

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID  
[ KUALA KANGSAR ]**

**SOALAN :**

**YB. Datin Mastura binti Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan Kuala Kangsar merupakan antara bandar tertua dan mempunyai banyak sejarah. Apakah Kementerian mempunyai cadangan untuk meningkatkan aktiviti pelancongan di situ.**

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB, Kuala Kangsar merupakan antara lokasi yang sering mendapat perhatian pihak Kementerian dalam membangunkan dan mengembangkan aktiviti pelancongan, samada berbentuk fizikal maupun bukan fizikal. Di bawah RMK10, Parlimen Kuala Kangsar telah menerima RM 2.04 juta melalui tujuh (7) projek fizikal meliputi peningkatan pelbagai kemudahan pelancongan yang terdapat di daerah tersebut. Selain itu, pelbagai program telah diadakan bagi memperkenal lokasi-lokasi pelancongan unik seperti *Victoria Bridge* dan *Kolam Air Panas Ara Panjang*. Sesi interaktif bersama penggiat industri juga kerap diadakan di kawasan Parlimen tersebut bagi menguar-uarkan kelebihan serta potensi yang terdapat di kawasan tersebut.

Antara tarikan yang dikenalpasti adalah seperti laluan sejarah menyusuri Sungai Perak serta lawatan ke makam raja-raja Melayu yang terdahulu manakaia antara program promosi yang telah dilaksanakan di Kuala Kangsar termasuklah:

- i. penggambaran dokumentari bersiri bertajuk "Dari Mata Langit" ;
- ii. menganjurkan lawatan suaikenal melibatkan media serta agensi pelancongan tempatan dan antarabangsa; dan

- iii. memuatkan beberapa restoran di Kuala Kangsar di dalam penerbitan risalah Perak *Food Trail*.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara juga telah memberi pengiktirafan kepada tapak yang berkepentingan sejarah di kawasan Kuala Kangsar sebagai warisan negara. Ini termasuklah Masjid Ihsaniah Iskandariah Kampong Kuala Dal, Bangunan *Big School* Maktab Melayu Kuala Kangsar, Istana Kenangan dan Masjid Ubudiah di Bukit Chandan. Pewartaan ini bukan sahaja dapat memastikan khazanah warisan di Kuala Kangsar terpelihara, bahkan sebagai penjenamaan atau *branding* yang dapat memberi nilai tambah terhadap tapak tersebut supaya menjadi tarikan kepada para pelancong.

Selain dari itu, pihak Kementerian juga membantu dari segi kerja-kerja pemuliharaan serta menaiktaraf tapak-tapak warisan di Kuala Kangsar termasuk Makam Datuk Laksamana Mohd Amin di Makam Diraja Bukit Chandan, Masjid Ubudiah dan Masjid Ihsaniah Iskandariah Kampung Kuala Dal. Jabatan Warisan Negara akan terus mengangkat tapak dan Bandar Kuala Kangsar sebagai tapak Warisan Kebangsaan dan seterusnya ke peringkat antarabangsa sekiranya memenuhi kriteria dan nilai keunggulan sejagat sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Sekian, terima kasih.

